



KOMENTAR

RAIS HUSSIN

Penjajahan kejam yang Mat Kilau pun tak sangka

Dengan pungutan hasil pendapatan mencecah rekod, filem terbitan tempatan *Mat Kilau* sememangnya sudah berjaya mencatat sejarah untuk industri perfileman negara hanya dalam masa singkat.

Ia menunjukkan daya tarikan sensasi filem itu berjaya meraih jangkauan penonton yang besar. Tetapi pada masa sama, satu-satunya dimensi menonjol dalam filem itu adalah gambaran setiap watak bukan Melayu sebagai si penjajah yang mendukung dan bekerjasma dengan penjajah British dalam penindasan serta melakukan kekejaman terhadap penduduk Melayu.

Ia menimbulkan kebimbangan serius tentang soal perpaduan dan keharmonian negara tercinta berbilang kaum. Pada saat kritikal inilah, desakan perpaduan terserlah supaya rakyat bersatu mempertahankan tanah air daripada penjajah – cuma kali ini dalam bentuk penjajahan politikus elit ketuanan (*supremacists-colonialists*).

Lebih-lebih lagi, sesetengah penonton mungkin sukar menerima filem itu sebagai karya fiksiyen, manakala penafian yang tertera pada permulaan filem bahawa hanya sebahagian daripada gambaran peristiwa adalah berdasarkan peristiwa sejarah sebenar tidak memadai seperti ditegaskan pakar sejarah Melayu.

KEPANTASAN KESAN

- 1. METODOLOGI** (*pandangan dunia, konseptualisasi, budaya pemikiran, kuasa pentadbiran yang lengkap*): Penjajahan sesebuah negara adalah paling "stabil", berkesan dan kukuh jika pandangan dunia telah berjaya diubah secara bertelusa. Pada tahap ini, rakyat sendiri akan memelihara kepentingan penjajah dan menganggap mereka sebagai sebahagian dari kehidupan harian tempatan.
- 2. KRONOLOGI** (*sejarah, susunan kronologi dan halatuju punca dalam semua cabang ilmu pengetahuan*): Pendek kata, mereka yang buta sejarah tiada kemampuan menentukan masa depan masing-masing. Merakamkan semula sejarah negara sekali gus mengubah masa depannya.
- 3. FAKTA** (*doktrin, ideologi, teknologi*): Tidak mustahil untuk mengurus tadbir masyarakat atau individu secara berkesan dengan "pemrosesan" tahap kesedaran melalui ideologi, kepercayaan, ilmu sosial; media, jaringan sosial.
- 4. EKONOMI** (*wang, sistem pembayaran serta semua proses dan interaksi ekonomi*): Wang, institusi kredit dan faedah riba merupakan cara pengabdian dan pemerahan kekayaan.
- 5. SENJATA GEN** (*alkohol, tembakau, dadah, pengawet makanan, bahan seperti makanan, ubat-ubatan, pencemar alam sekitar*): Semua ini, secara amnya, adalah alat genosid walaupun tidak dicam sewajarnya dan dikemukakan bukan sahaja sebagai tidak berbahaya malah memanfaatkan. Keganasan atau terorisme ("terrorism") antarabangsa juga boleh dimasukkan ke dalam kategori ini.
- 6. SENJATA KETENTERAAN** (*senjata ketenteraan tradisional*): Ini merupakan senjata dalam erti kata konvensional yang boleh membunuh dan melumpuhkan badan manusia serta memusnahkan objek sfera tekno dan monumen kebudayaan.

TAHAP TIDAK DAPAT DIPULIHKAN

RAJAH 1 - Alat perkakas penjajah.

Selain itu, memandangkan latar belakang dan sejarah politik identiti Malaysia yang luas serta mendalam, berkemungkinan besar rujukan halus *Mat Kilau*, kiasan dan petikan dialog mengelirukan (dengan sengaja atau tidak) boleh disalahgunakan dengan menjelangnya musim pilihan raya.

Oleh itu, filem tersebut memerlukan penilaian sangat kritikal oleh penonton. Karya fiksiyen tiada signifikansi sekalipun jika kita gagal mentafsir dan mengaitkannya dengan perkembangan semasa serta peristiwa berlaku di sekeliling kita.

Selain pengajaran mengenai keperluan 'garisan sempadan' antara fiksiyen dan realiti sejarah, filem itu juga memerlukan pemahaman yang betul tentang dua konsep penting – penjajahan dan patriotisme.

Kedua-duanya kekal sebagai konsep amat relevan dalam konteks tempatan semasa. Dengan latar belakang kritikal itu, beberapa petikan *Mat Kilau* yang menarik boleh memberikan pemahaman baharu untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira etnik dan agama.

Kolonialisme

Penjajahan adalah satu cara mewujudkan kawalan ke atas kumpulan sosial bagi mengambil alih wilayah, kawasan, kekayaan dan sumber manusia untuk kegunaan sendiri.

Kebanyakan orang mengetahui tentang bentuk kawalan paling menonjol dan kejam tetapi tidak stabil iaitu dengan kaedah ketenteraan serta peng-



Penjajahan adalah satu cara mewujudkan kawalan ke atas kumpulan sosial bagi mengambil alih wilayah, kawasan, kekayaan dan sumber manusia untuk kegunaan sendiri."

gunaan senjata.

Bagaimanapun, sejak zaman dahulu lagi terdapat beberapa golongan terpilih yang memperoleh ilmu/kaedah manipulasi dan kawalan lebih halus. Oleh itu, lebih mencabar untuk ditangkis.

Rajah di atas (rajah 1) menunjukkan spektrum alat atau kaedah kawalan tersebut yang dikelaskan kepada enam kumpulan atau tahap. Kepantasan kesan atau kelajuan keberkesanan kaedah-kaedah kawalan itu meningkat dari kaedah 1 hingga 6, manakala tahap tidak dapat dipulihkan (*irreversibility*) atau tahap ketegaran impak adalah menurun (iaitu tahap tertinggi di kaedah 1 dan paling rendah di kaedah 6).

Dalam rajah 1, perhatikan bagaimana kaedah manipulasi berbeza dalam kelajuan dan kekuatan serta keberkesanan atau ketegaran impak.

Menggunakan kaedah ekonomi atau persenjataan gen, lebih-lebih lagi senjata ketenteraan adalah cara paling cepat memberikan kesan diinjini penjajah.

Namun, itu semua juga merupakan bentuk paling jelas kepada mereka yang dimanipulasi, oleh itu ia lebih berkemungkinan menghadapi tentangan kuat.

Sebaliknya, bentuk manipulasi lain yang lebih halus – pandangan dunia, budaya pemikiran, fakta sejarah, doktrin dan ideologi – memerlukan jangka masa pelaksanaan yang panjang.

Bagaimanapun, setelah berakar umbi dalam masyarakat, kaedah itu hampir mustahil ditentang, sekurangnya selagi kaedah itu tidak dapat dilihat atau disedari sebahagian besar kumpulan sosial yang dimanipulasi.

Sepanjang sejarah dunia, pelbagai negara telah dijajah penceroboh asing tetapi mereka juga sering tertakluk kepada 'penjajahan domestik' oleh politikus elit dalaman dan entiti, badan serta pertubuhan korup yang telah berakar umbi, kebanyakannya melalui bentuk kaedah kawalan halus (memanipulasi pandangan dunia, sejarah, ideologi dan lain-lain) untuk meneruskan pengagihan sumber rakyat dan memiskinkan negara.

Patriotisme

Patriotisme ialah nilai kerohanian kemanusiaan amat diperlukan dan tidak dapat dipisahkan daripada perasaan keadilan yang tinggi dalam menghormati sepenuhnya nilai kemanusiaan paling universal – nilai dwi kehidupan (nyawa dan kehidupan kita sendiri serta orang lain).

Terdapat jurang besar antara patriotisme dan nasionalisme (yang tidak se-

mestinya berbahaya atau buruk), lebih-lebih lagi dengan *chauvinisme* etnik/agama yang terang-terangan – bentuk nasionalisme paling radikal kerana ia menyebarkan eksklusiviti kaum dan menghasut permusuhan serta kebencian dalam kalangan masyarakat tempatan.

Unsur perpaduan dan kemakmuran dikongsi bersama secara tulen, di mana setiap rakyat diberi maruah, bantuan dihulurkan berdasarkan keperluan dan penghormatan diberikan berdasarkan merit amat kuat dalam patriotisme kerana tahap kerohanian yang memuncak.

Bagaimanapun, unsur itu boleh hilang atau mudah dilemahkan melalui nasionalisme apabila dimanipulasi penjajah asing atau dalam negeri.

Pentingnya patriotisme juga merangkumi keupayaan rohani dan moral untuk menentang kecenderungan berbahaya, jahat, negatif serta merosakkan di dunia, di negara sendiri atau mana-mana kumpulan sosial dalam negara itu.

Oleh itu, seorang patriot sejati dalam menjiwai sifat integriti rohani-moral-etika mempunyai kualiti berikut:

- Mampu melihat di luar persepsi ilusi realiti sosial.
- Berorientasikan keseimbangan antara integrasi dan pemeliharaan kepelbagaian nasional serta budaya.
- Dapat mengesan penggantian nilai dan makna rohani multidimensi.
- Dalam erti kata lain, bagi seorang patriot adalah penting mengenal pasti kaedah halus untuk memanipulasi tahap kesedaran negara yang dikongsi ber-